

13 JUL 2001

Laporan Khas: Menara KL

MENARA KL SEMAKIN TERSERLAH DALAM PETA PELANCONGAN

Oleh: Kuzaimah Idris

KUALA LUMPUR (Bernama) -- Menara KL mungkin dibayangi oleh Menara Kembar Petronas namun kewujudannya telah menambah satu lagi destinasi tarikan untuk Malaysia dalam peta pelancongan dunia.

Sejak perasmiaannya yang penuh gemilang empat tahun lepas, menara komunikasi yang keempat tertinggi di dunia itu juga kini menjadi satu lagi mercu tanda kebanggaan rakyat Malaysia.

Walaupun mungkin ada kalangan yang menganggap menara itu sebagai "gajah putih", Menara KL kini bukan saja popular di kalangan pelancong, tetapi turut memanifestasikan pencapaian pesat Malaysia dalam bidang telekomunikasi.

Teknologi telekomunikasi yang terdapat di Menara KL yang berdiri megah menyapu awan itu adalah yang termoden pernah dikendalikan di Malaysia.

Sejajar dengan objektif asalnya, teknologi yang digunakan di situ telah dapat meningkatkan kualiti komunikasi dan pancaran penyiaran yang sejajar dengan keperluan terkini telekomunikasi negara.

Ketua Pegawai Eksekutif Menara KL, Shahidah Ridwan percaya, dalam konteks itu menara berkenaan telah mencapai matlamatnya dengan membolehkan penyebaran serta penerimaan penyiaran dan telekomunikasi yang meluas di kawasan Lembah Klang, hasil daripada keupayaan ruang yang terdapat di menara itu dan jarak dekat antara transmitter dan antena.

"Kerana ketinggian, Menara KL juga boleh diguna untuk menempatkan beberapa peralatan komunikasi terutama semasa darurat. Bahkan, jabatan-jabatan seperti angkatan tentera dan polis telahpun mempunyai peralatan masing-masing di puncak menara itu," katanya.

DAYA TARIKAN PELANCONG

Sebagai sebuah menara yang merangkumi inovasi yang tinggi dalam aspek perniagaan, istirehat, hiburan dan telekomunikasi berteknologi tinggi, Menara KL secara semula jadi berupaya menarik perhatian umum, khususnya pelancong.

Menurut Shahidah, sebarang reaksi negatif terhadapnya mungkin berpunca daripada salah anggap di kalangan mereka yang tidak memahami fungsi Menara KL dari perspektif ekonomi, sosial, sukan dan budaya.

Shahidah mengakui pada awalnya menara itu memang dibina untuk tujuan telekomunikasi.

"Bagaimanapun, dengan pelbagai promosi yang telah kami jalankan sejak beberapa tahun lepas, Menara KL kini bukan saja menjadi satu mercu tanda, tetapi turut berjaya menempah tempat dalam peta pelancongan dunia," kata beliau.

Shahidah berkata, sehingga ini menara itu telah menerima kunjungan 4.5 juta pelawat atau lebih sejuta orang setahun.

Pihak pengurusan menara itu kini sedang berusaha untuk meningkatkan lagi bilangan pengunjung dengan menganjurkan beberapa program yang mengketengahkan ciri-ciri uniknya.

Setakat ini menara itu telah muncul sebagai menara yang pertama di dunia menganjurkan Loncatan BASE membabitkan 50 penerjun dari seluruh dunia.

Acara lain yang telah meletakkan menara itu dalam "Buku Rekod Malaysia" ialah gelungsur tali, menaraton dan mendaki anak tangga menara secara berundur.

SAKSIKAN PANORAMA BANDARAYA

Bagi para pelawat pula, menara berkenaan menawarkan satu program menarik yang membolehkan mereka makan dan minum, membeli-belah atau menikmati panorama Bandaraya Kuala Lumpur dari paras yang tinggi.

Selain peralatan telekomunikasi, puncak Menara KL turut menempatkan restoran berputar, sebuah theatrette, sebuah ampiteater, pusat siber, sebuah kolam air terjun, kedai cenderahati dan restoran McDonald.

Menurut Shahidah, pengurusan Menara KL turut memperolehi pendapatan sampingan menerusi dewan makannya yang boleh menampung sehingga 200 orang, sesuai untuk sewaan bagi majlis menandatangani perjanjian oleh badan-badan korporat, persidangan akhbar, jamuan dan perkahwinan.

Daripada segi ketinggian, Menara KL yang berdiri megah setinggi 421m di atas Bukit Nanas berada di tempat keempat di belakang Menara CNN di Toronto (553m), Menara Ostankino di Moscow (537m) dan Menara Shanghai (450m).

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melancarkan menara itu pada 1 Okt, 1996 berkata, ia melambangkan kejayaan dasar penswastaan kerajaan kerana ia adalah kesan terus daripada penswastaan Jabatan Telekom.

Beliau berkata, sindiran sesetengah pihak kononnya menara itu kelihatan seperti "sejenis mainan kanak-kanak" memperlihatkan sikap cemburu mereka dan ianya harus diketepikan.

MENARA PAMER WARISAN ISLAM

Menara hasil ciptaan sekumpulan arkitek terkemuka tempatan dari Kumpulan Senireka Sdn Bhd itu mempunyai motif keIslaman dalam seni pembinaannya yang bertujuan untuk memaparkan Warisan Islam yang terbaik di Malaysia.

"Menara itu mungkin tidak akan dibina jika kerajaan masih menjalankan perkhidmatan telekomunikasi. Semasa kerajaan masih memonopoli perkhidmatan itu, ia telah memperuntukkan lebih RM100 juta setiap tahun hanya untuk menyediakan perkhidmatan telekomunikasi. Pastinya, kita tidak mempunyai cukup wang untuk membina menara ini yang kosnya kira-kira RM300," kata Dr Mahathir.

Dua tahun lepas, sebuah penerbitan politik membuat laporan muka depan dengan berkata bahawa menara itu "retak" di beberapa bahagiannya tetapi dakwaan itu kemudian terbukti tidak berasas selepas pihak pengurusannya menjalankan pemeriksaan rapi.

Menurut Shahidah, laporan itu sedikitpun tidak menjejaskan bilangan pelawat ke menara itu, malah pelawat dari negeri yang dikuasai parti politik berkenaan masih terus mengunjunginya.

Sementara itu, semua pelawat yang berkunjung dan menikmati pemandangan dari puncak menara itu menyatakan rasa takjub dengan keunikannya.

Sandie Andrews, 50, rakyat Amerika yang pertama kali melawat ke Malaysia berkata, selain senibinanya yang amat menakjubkan, menara itu satu-satunya yang mempunyai persamaan dengan menara di Chicago sementara taman yang menghijau di celah-celahnya mewujudkan satu keseimbangan.

"Menara itu dibina dengan baik dan senibinanya bukan sahaja moden tetapi turut menyelitkan beberapa citarasa lama. Kombinasinya sungguh menarik," katanya sambil menambah bahawa pembinaannya adalah satu langkah yang bijak.

PEMBINAANNYA BUKAN SATU PEMBAZIRAN

Sandie juga menyangkal dakwaan kononnya pembinaan menara itu satu pembaziran.

"Kamu perlu mempunyai sesuatu yang seumpamanya jika ingin bersaing dalam pasaran pelancongan dunia. Untuk datang ke sini dan untuk dapat melihat hampir keseluruhan Kuala Lumpur adalah sesuatu yang amat menarik," katanya.

Jennifer Tan, 42, dari Singapura pula kagum dengan rekabentuk senibina Menara KL.

"Mereka kata seseorang akan melihat banyak rumah kayu dan bangunan lama di KL tetapi selepas berada di platform pemerhati Menara KL, barulah saya sedar bahawa Kuala Lumpur sebenarnya sebuah bandaraya yang moden, cantik dan amat menakjubkan," katanya.

Beliau berkata, Menara KL berhak mendapat pengiktirafan dunia dan Malaysia patut berbangga kerana memilikinya.

Reaksi serupa diberikan oleh pengunjung rakyat tempatan.

Jamin Hassan, 69, seorang pesara dari Perlis berkata, Menara KL boleh menjadi aset yang membuktikan "Malaysia Boleh" kepada generasi akan datang.

Dengan tegak gagah, Menara KL dari terus menerima pengiktirafan antarabangsa, termasuk Anugerah Bintang Antarabangsa WQC daripada Business Initiative Direction pada konvensyenya yang ke-17 di Madrid.

Ia juga menerima Award of Distinction pada 1997 daripada Persekutuan Hartanah Antarabangsa (FIABCI International) atas pencapaiannya dalam menyumbang untuk kepentingan negara dan peranan utamanya dalam industri hartanah.

KEWUJUDAN MENARA TINGKATKAN NILAI HARTANAH

Shahidah berkata Menara KL yang mendapat sewa berjuta-juta ringgit setiap tahun daripada pelbagai penyewa yang menyedari akan nilai komersialnya, turut mempengaruhi peningkatan nilai hartanah kawasan sekitarnya.

"Kawasan sekitar seperti hutan sudah pasti memberi manfaat kepada Menara KL. Ketika menara baru dibuka, hutan berkenaan telah ditutup kepada orang awam tetapi kami mengadakan rundingan dengan Jabatan Perhutanan untuk membukanya semula dua tahun lepas, dan sejak itu ia telah menerima ramai pelawat.

"Saya juga percaya sesetengah hotel di sekitarnya telah mendapat manfaat daripada kewujudan Menara KL sebagai satu daya tarikan pelancong," katanya.

Shahidah berkata, pihak pengurusan Menara KL akan terus memperbaiki dan menjalankan promosi bagi menjadikannya satu "kemestian" kepada semua pelawat.

Kesimpulannya, Shahidah bercita-cita untuk melihat menara itu menjadi tempat pertama yang dituju oleh setiap pelancong luar sebaik tiba di Malaysia.

-- Bernama

ZAI KGO CR AM